

Tarikh Dibaca: 24 NOV 2017M / 05 RABIULAWAL 1439H

KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

“HALAL MEMBAWA BERKAT”

*Terbitan:
Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR*



SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR 2017

- 1. SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim** (Pengerusi)
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor
- 2. SS. Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir** (Ahli)
Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor
- 3. Yg. Berbahagia Dr. Haji Osman Bin Haji Sabran** (Ahli)
Pensyarah, Universiti Selangor
- 4. Dato' Haji Abdul Majid Bin Omar** (Ahli)
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor
- 5. Tuan Haji Hamid Bin Md Isa** (Ahli)
Pensyarah, Kolej Universiti Islam Selangor
- 6. Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullah** (Ahli)
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor
- 7. Tuan Haji Abdul Haleem Hapiz Bin Salihin** (Ahli)
Ketua Penolong Mufti (Fatwa), Jabatan Mufti Negeri Selangor
- 8. Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya** (Ahli)
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
- 9. Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid** (Ahli)
Pegawai Majlis Agama Islam Selangor
- 10. Ustaz Hairol Azmi Bin Khairudin** (Urusetia)
Penolong Pengarah Unit Khutbah, BPM, JAIS



"HALAL MEMBARA BERKAT"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلٍ: يَأَيُّهَا النَّاسُ كُلُّوْا مِمَّا فِي الْأَرْضِ
حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَنِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ

مُبِينٌ¹

أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهُدُ
أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ. أَللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى ءَالِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أُوْصِيْكُمْ
وَإِيَّا يَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:
يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا
وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Mimbar ingin mengambil kesempatan pada hari Jumaat yang mulia ini, untuk menyampaikan peringatan agar kita semua dapat meningkatkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah SWT dengan melakukan segala suruhan yang diperintahkan-Nya dengan bersungguh-sungguh dan meninggalkan segala apa yang dilarang-Nya. Semoga kita mendapat kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.

¹ Al-Baqarah : 168



Mimbar pada hari ini ingin membicarakan khutbah Jumaat yang bertajuk "**HALAL MEMBAWA BERKAT**".

Hadirin yang dikasihi sekalian,

Allah memerintahkan kita supaya mengambil sumber yang halal dan terbaik , agar pertumbuhan jasad ini tumbuh membesar dari sumber yang halal, yakni yang diredhai Allah, bahkan bukan sahaja halal tetapi baik dalam segala yang berkaitan dengannya. Dari situlah, akan lahir jasad, tubuh badan yang sihat dan akal yang sempurna.

Sesungguhnya jasad yang baik itu akan melahirkan akal yang sejahtera? Bahkan, yang lebih penting dari itu adalah pembinaan hati sebagai penentu kebaikan keseluruhan insan itu. Benarlah sebagaimana sabda Junjungan Nabi kita Muhammad SAW sebagaimana diriwayatkan oleh Nu'man Bin Basyir R.Anhu:

أَلَا وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْغَةً إِذَا صَلَحَتْ صَالِحَ
الْجَسَدُ كُلُّهُ، وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، أَلَا
وَهِيَ الْقَلْبُ

"Ketahuilah bahawa dalam setiap jasad itu ada seketul daging yang apabila ia baik maka baiklah seluruh jasad dan apabila ia rosak, maka rosaklah seluruh jasad. Ketahuilah ia adalah hati".

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim).

Hadirin yang berbahagia Allah sekalian,

Makanan dari sumber yang haram atau syubhah hanya akan menggelapkan hati, menimbus segala cahaya dan nilai kebaikan. Hati akan lebih cenderung kepada sifat atau tingkah laku yang berlawanan dengan kebaikan, ia dikuasai oleh nafsu yang tunduk kepada hasutan



syaitan. Hati yang tumbuh dengan makanan dan sumber yang haram adalah istana bagi sekalian syaitan yang bermaharajalela. Akhirnya seseorang insan akan tewas dan terjerumus ke lembah dosa, noda dan neraka kerana setiap daging insan yang tumbuh dari sumber yang haram, maka api neraka sedang menunggunya.

Oleh yang demikian, kita mestilah memberikan perhatian yang serius terhadap makanan yang halal dan taiyiban (yang baik-baik) bermula dari peringkat awal pendidikan anak-anak, sehingga dewasa. Sudah sampai masanya kita berani merubah dan berubah lebih serius untuk meningkatkan kefahaman dalam semua hal yang berkaitan dengan isu halalan toiyiban.

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Hari ini, agensi-agensi agama dan pihak berkuasa tempatan sedang giat memberi kesedaran kepada masyarakat tentang pentingnya kita memilih dan mengutamakan makanan dan produk yang halal lagi baik. Halal dari sudut hukumnya, iaitu tidak bercanggah dengan syariat Allah. Demikian juga sumber makanan dari sembelihan haiwan, mestilah diyakini bahawa haiwan itu telah disembelih mengikut ketetapan syariat. Manakala aspek toiyiban pula adalah dari segi proses penghasilan dan pengurusannya.

Hadirin yang berbahagia sekalian,

Kita hendaklah mendidik dan mengajar ahli keluarga kita supaya mengutamakan yang halal walau di mana sahaja berada. Kenalilah Logo Halal yang diiktiraf bagi memastikan produk yang dipilih adalah diyakini sebenar-benarnya halal. Jadikanlah amalan ini sebagai budaya dalam hidup kita. Bermula dari keluarga akhirnya menjadi budaya dalam masyarakat kita. Hanya dengan usaha yang bersungguh-sungguh ini



sahaja kita akan memahami dan menghayati, mengapa Allah SWT memerintahkan kita supaya mendapatkan makanan dan sumber yang halal lagi baik.

Demikianlah Allah SWT berfirman dalam surah Al-Baqarah ayat 172:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُلُوا مِنْ طَيْبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ
وَأَشْكُرُوا لِلَّهِ إِن كُنْتُمْ إِيمَانًا بِعَبْدُورَكَ



“Wahai orang-orang yang beriman! Makanlah dari benda-benda yang baik (yang halal) yang telah Kami berikan kepada kamu, dan bersyukurlah kepada Allah, jika betul kamu hanya beribadat kepada-Nya”.

Hadirin Jumaat sekalian,

Ayuuhlah! setiap pengusaha, peniaga, pengeluar dan penghasil barang makanan supaya dapat mematuhi syarat dan peraturan persijilan halal Malaysia. Yakinlah hanya “dengan halal hidup lebih berkat”, hanya dengan halal hidup dalam rahmat, dengan halal hidup akan lebih selamat, hanya dengan halal negeri akan sejahtera. Untuk itu kita hendaklah memastikan harta dan sumber rezeki kita adalah halal dan sentiasa menjauhi yang haram.

Sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Abu hurairah R.Anhu bahawa Nabi SAW bersabda yang bermaksud:

“Akan tiba suatu zaman di mana seseorang manusia itu tidak ambil peduli apa (sumber rezeki) yang dia perolehi, sama ada dari sumber yang halal atau haram”.

(Riwayat al-Bukhari).



Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Mengakhiri khutbah Jumaat hari ini, khatib mengajak umat Islam semua untuk menyedari dan menghayati beberapa taujihat khutbah yang penting supaya diamalkan:

1. Umat Islam wajibah meyakini bahawa mencari yang halal dalam semua aspek adalah perintah yang wajib dipatuhi.
2. Umat Islam hendaklahlah mendidik dan memupuk diri agar sentiasa mengamalkan konsep halalan toiyiban pada setiap waktu dan ketika walau di mana sahaja kita berada.
3. Umat Islam mestilah berusaha membudaya konsep halalan toiyiban dalam masyarakat.
4. Umat Islam yang terlibat dengan perniagaan adalah wajib menyediakan produk dari sumber yang halal lagi baik.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ
وَكُلُوا مِمَّا رَزَقْنَاكُمْ اللَّهُ حَلَالًا طَيِّبًا وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي أَنْتُمْ

بِهِ مُؤْمِنُونَ

"Dan makanlah dari rezeki yang telah diberikan Allah kepada kamu, iaitu yang halal lagi baik, dan bertakwalah kepada Allah yang kepada-Nya sahaja kamu beriman".

(al-Maidah : 88).



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقْبَلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقُهُ، إِنَّهُ وَهُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ وَ
هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Na'im/Nurul

16.11.2017



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَهْلِهِ وَصَاحْبِيهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّاهُ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dan menyedari bahawa Islam mengajar kita supaya bersikap sederhana dalam segala amalan. Kita amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam. Oleh itu marilah kita sentiasa memperbanyakkan solawat dan salam ke atas Nabi kita Muhammad SAW. Firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّوْنَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْتِهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوْا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.



اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ
الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ
وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ
قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ
أَعِزَّ إِلَاسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكِ الْكُفَّارَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ
وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانْصُرْنَا
عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنِيَّكَ الْأَمِينِ،
وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْلَمَى، أَنْ
تَحْفَظَ بِعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحَفْظِ وِقَايَتِكَ
الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ
سَلَاغُورِ، سُلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ
الْحَاجِ، ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ
الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَائِيةَ
وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ
سَلَاغُورِ، تَغْكُو أَمِيرِ شَاهِ، إِبْنِ السُّلْطَانِ شَرْفِ



الدِّين ادريس شاه الحاج، فِي أَمْن وَصَلَاح وَعَافِيَةٍ
بِمَنِّكَ وَكَرْمَكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ。اللَّهُمَّ أَطِلْ
عُمْرَهُمَا، مُصْلِحْهُمَا لِلنُّوَظِفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ،
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkuuhkan negara umat Islam, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebijakan dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini.

Justeru kami pohon kehadrat-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, terimalah amalan soleh kami, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, lindungilah kami daripada bala bencana dan peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Qadyani dan ajaran sesat seperti Syiah, serta ajaran-ajaran lain yang difatwakan menyeleweng dari ajaran Islam atau bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Ya Allah bukakanlah hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menuaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfaqkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.



رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا إِاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً
وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعِظُّكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى
نِعَمِهِ يَزْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.
